

e-BuletinUiTMCM

Citra



| UiTM Cawangan Melaka

OGOS

eBuletinUiTMCM /22
Vol.08 -Ogos

Pelancaran Sambutan Hari Kebangsaan ke-65



Sorotan menarik bulan Ogos :



Majlis Apresiasi Pelajar Cemerlang



Teambuilding : Igniting Team Spirit 3.0



Pameran Seni Khat & Sejarah Cina Muslim Melaka





Citra e-Buletin Rasmi Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
Terbitan Kelapan - Ogos 2022

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah Melaka

No. Tel : 06-5582000
No Faks : 06-5582001

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka terlebih dahulu.

PENAFIAN :

Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISSN : 2785-8049
Perpustakaan Negara Malaysia
Majalah ini diterbitkan setiap bulan
©2022 Hakcipta Terpelihara



Isi Kandungan

e-BuletinUiTMCM



Pendahuluan

Dari Meja Ketua Editor 6

Program Universiti

7

Majlis Apresiasi Pelajar Cemerlang, Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2021 8

Perjumpaan bersama Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd. Janor dan Jawatankuasa 1 Student 1 Skill (OS1S) UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) 9

Kajian impak sempena acara MAGIC OF THE NIGHT (MOTN) 2022 anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) 10

Teambuilding : Igniting Team Spirit 3.0 11

Sumbangan warga UiTMCM untuk Tabung Hari Pahlawan 12

Pameran Seni Khat dan Sejarah Cina Muslim Melaka 2022 & Pelancaran Buku Sejarah Cina Muslim Melaka dan Seni Khat 13

Pelancaran Sambutan Hari Kebangsaan ke-65, Peringkat UiTM Cawangan Melaka 14

Majlis Pelancaran Program Khidmat Masyarakat Keluarga UiTM 15

Majlis Makan Malam Regimental Kesatria tahun 2022 16

Majlis Pra Pelancaran LIAC#4 dan DERIA 2022 17

Program Pertukaran Adat antara Persatuan Sidang (Ketua Kampung) Parlimen Hang Tuah Jaya, Melaka dengan DMDI Provinsi Riau 18

Majlis Penyerahan Bendera (Flag-Off) Kontinjen UiTM Cawangan Melaka ke Karnival Sukan Staf (KARISTA) 19

Mesyuarat antara UiTM Cawangan Melaka dan Pengurusan Professional Mutawwif Development International Sdn. Bhd (PMDSB) 20

Ucapan Tahniah, Kejayaan & Pencapaian Warga Universiti 21

Sambutan Hari Jadi TYT Melaka ke-73 22

Pengurniaan Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M) - Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Jono 23

Pengurniaan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) - Puan Rohayu Ramli 23

Isi Kandungan

e-BuletinUiTMCM



Pasukan Bola Tampar Wanita-Naib Johan Karista	24
Pasukan Dart-Tempat Ketiga Karista	24
Pasukan Petanque-Tempat Ketiga Karista	25
ARTIKEL / LIPUTAN MEDIA	27
Tingkat Kesedaran Elak Anak Ketagih Gajet	28
Perhebat Kempen di Media Didik Rakyat Bahaya Scam	28
Etiqu Takaful sumbang zakat RM 150,000 kepada UiTM Melaka	29
Hayati Prinsip Rukun Negara Demi Keharmonian	29
Pensyarah Belanja RM2500 beli buku	30

Sidang

Redaksi

e-BuletinUiTMCM

f t i y | UiTMCM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka



Ketua Editor

Akmal bin Adanan



Editor Buletin

Azniza binti Hasan



Editor Buletin

Hasnor Zura binti
Hashsim



Editor Buletin

Khalidah Hadibah binti
Md Khalid



Editor Buletin

Suraini binti Mohammad



Editor Grafik

Hail Jefri bin Rusli



Isi kandungan

Anwar Farhan bin
Zolkeplay



Isi kandungan

Nur Hidayah binti
Zaini



Isi kandungan

Norazimah binti
Mat



UiTMCM Telegram
channel



Dapatkan maklumat-maklumat
Universiti dari Telegram rasmi



Sila imbas kod di atas
untuk ke "**Channel**
STAF UiTMCM"



Sila imbas kod di atas
untuk ke "**Channel**
PELAJAR UiTMCM"

Dari Meja

KETUA EDITOR



Dari Meja Ketua Editor,

Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan keizinan-Nya dapat kami menerbitkan e-Buletin **Citra** - Vol.8 UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) bagi bulan Ogos 2022 ini.

e-Buletin edisi kali ini melaporkan program-program universiti antaranya Majlis Apresiasi Pelajar Cemerlang, Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2021, Teambuilding Igniting Team Spirit 3.0 dan Pameran Seni Khat dan Sejarah Cina Muslim Melaka 2022 & Pelancaran Buku Sejarah Cina Muslim Melaka dan Seni Khat serta pelbagai lagi program lain.

Semoga segala hebahan maklumat di dalam buletin ini dapat dijadikan bahan dan rujukan buat semua warga kampus.

Sekian, terima kasih.

Akmal Adanan

Ketua Unit Komunikasi Korporat



Program-program Universiti

Majlis Apresiasi Pelajar Cemerlang, Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2021



ALOR GAJAH, 1 Ogos 2022 - Telah berlangsung Majlis Apresiasi Pelajar Melaka tahun 2021. Turut hadir YB Datuk Cemerlang, Kerajaan Negeri Melaka Rais bin Datuk Wira Yasin, Exco Tahun 2021 bertempat di Dewan Taming Pendidikan dan Teknologi, Datuk Hj. Sari, UiTM Kampus Alor Gajah, dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka. Majlis anjuran Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) yang rakan kerjasama strategik program diadakan pada hari ini adalah bagi bersama Jabatan Pendidikan Negeri. meraikan lebih 200 orang pelajar cemerlang negeri

Perjumpaan bersama Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd. Janor dan Jawatankuasa 1 Student 1 Skill (OS1S) UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM)



SHAH ALAM, 8 Ogos 2022 - Telah berlangsung perjumpaan bersama Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd. Janor dan Jawatankuasa 1 Student 1 Skill (OS1S) UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) bertempat di Pejabat Naib Canselor, Bangunan Canseleri pada pagi ini. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini, Rektor, Dato' Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Bin Jono, Timbalan Rektor HEP merangkap Penasihat OS1S bersama jawatankuasa '1 Student 1 Skill' (OS1S)

menyampaikan penerangan serta membentangkan pelaporan berkaitan kerjasama bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya dan perantis-perantis UiTMCM dalam menjalani Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) di bawah Projek Khas: 1 Student 1 Skill (OS1S). YBhg. Prof Datuk Naib Canselor menyambut baik dan menyokong usaha UiTMCM meningkatkan ilmu kemahiran kepada para graduan.

Kajian impak sempena acara MAGIC OF THE NIGHT (MOTN) 2022 anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)



MELAKA, 8 Ogos 2022 - Seramai 8 orang pelajar dari Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan (FPHP), UiTM Cawangan Melaka telah dilantik sebagai pasukan penyelidik bagi menjalankan kajian impak sempena acara MAGIC OF THE NIGHT (MOTN) 2022 anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan

Budaya (MOTAC) yang telah berlangsung pada 5 dan 6 Ogos 2022 di Dataran Sungai Melaka, Bandar Hilir, Melaka. Kajian MOTN ini diketuai oleh Dr Razif Jamaludin, Pensyarah Kanan FPHP, UiTM Puncak Alam dan dibantu oleh Encik Akmal Adanan, Pensyarah Kanan FPHP, UiTM Kampus Alor Gajah.

Teambuilding : Igniting Team Spirit 3.0



4 Ogos 2022, MELAKA - Telah berlangsung program Teambuilding : Igniting Team Spirit 3.0 yang bertempat di sekitar bandar Melaka. Seramai 104 orang staf pentadbiran telah menyertai program ini. Program telah dirasmikan oleh En. Ahmad Khairuman Md. Hasim, pemangku Rektor UiTM Cawangan Melaka. Disamping itu, En. Ahmad

Khairuman juga telah menyempurnakan upacara pelancaran bulan Kemerdekaan dengan simbolik penyerahan Jalur Gemilang kepada Dr. Mohd Halim Mahphoth, Penolong Rektor Kampus Bandaraya Melaka. Program ini diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan nyanyian lagu Jalur Gemilang.

Sumbangan warga UiTMCM untuk Tabung Hari Pahlawan



AYER KEROH, 12 Ogos 2022 - YBhg Rektor menyampaikan sumbangan warga UiTMCM untuk Tabung Hari Pahlawan kepada Datuk Rahmad bin Mariman, EXCO Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam, Pengurusan Banjir dan Infrastruktur, Wakil Rasmi YAB Ketua

Menteri Melaka dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka & Pelancaran Tabung Hari Pahlawan 2022 bertempat di Dataran Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka pagi ini. Turut hadir dalam majlis tersebut, Pengurusan Eksekutif UiTM Cawangan Melaka.

Pameran Seni Khat dan Sejarah Cina Muslim Melaka 2022 & Pelancaran Buku Sejarah Cina Muslim Melaka dan Seni Khat



MELAKA, 18 Ogos 2022 - YBhg. Rektor, Prof Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Mohd Zaini menghadiri jemputan ke Pameran Seni Khat dan Sejarah Cina Muslim Melaka 2022 & Pelancaran Buku Sejarah Cina Muslim Melaka dan Seni Khat bertempat di Balai Syed Sheikh Al-Hadi, Bastion House, Muzium Dunia Melayu Dunia Islam, Melaka. Pameran yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama Perbadanan

Muzium Negeri Melaka (PERZIM), Dunia Melayu Dunia Islam, UiTM Melaka dan CM Diverse Sdn Bhd ini telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka. Pameran Seni Khat dan Sejarah Cina Muslim Melaka 2022 ini berlangsung dari 28 Julai hingga 7 Oktober 2022 bersempena dengan ulang tahun kelahiran yang ke-73 tahun.

Pelancaran Sambutan Hari Kebangsaan ke-65, Peringkat UiTM Cawangan Melaka



ALOR GAJAH, 19 Ogos 2022 - Pelancaran Sambutan Hari Kebangsaan ke-65, Peringkat UiTM Cawangan Melaka telah disempurnakan oleh YBhg. Rektor, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini diiringi Pengurusan Eksekutif UiTM Cawangan Melaka bertempat di perkarangan Kompleks Pengurusan dan Pembelajaran 1, UiTM Kampus Alor Gajah.

Semoga majlis ini akan menjadi pembakar semangat seiring dengan tema kebangsaan ke-65 "Keluarga Malaysia Teguh Bersama" untuk menganjurkan lebih banyak program-program yang dapat meningkatkan semangat patriotisme di kalangan warga UiTM Melaka.

Majlis Pelancaran Program Khidmat Masyarakat Keluarga UiTM



ALOR GAJAH, 19 Ogos 2022 - Telah di mana pecahan sekolah terbahagi berlangsung Majlis Pelancaran Program kepada 8 buah sekolah di daerah Alor Khidmat Masyarakat Keluarga UiTM Gajah, 8 buah sekolah di daerah Melaka bertempat di Dewan Kuliah 3, KPP2 UiTM Tengah dan 11 buah sekolah di daerah Kampus Alor Gajah. Program ini Majlis dirasmikan oleh YBhg. Rektor, merupakan program anjuran Bahagian Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini Infostruktur dengan kerjasama Unit diiringi oleh En. Abd Malek bin Kasim, Kokurikulum. Sebanyak 27 buah sekolah Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat di dalam negeri Melaka telah dipilih untuk Pendidikan Daerah Alor Gajah dan Pn. menerima sumbangan daripada UiTMCM Hazami binti Hussin, Ketua Program.

Majlis Makan Malam Regimental Kesatria tahun 2022



ALOR GAJAH, 19 Ogos 2022 - Telah berlangsung Majlis Makan Malam Regimental Kesatria tahun 2022 bagi merayakan 113 pegawai-pegawai muda Kesatria UiTM Cawangan Melaka dirasmikan oleh Brigedier Jeneral Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini bertempat di Dewan Taming Sari, UiTM Kampus Alor Gajah. Dalam ucapannya, beliau berharap agar pengalaman di dalam Kesatria ini

menjadi wadah berharga buat para pegawai dalam pembentukan sahsiah diri terpuji, mempunyai tahap disiplin dan nilai-nilai murni yang tinggi. Keterampilan diri yang unggul dan sikap kepimpinan yang terpuji yang dipelajari dalam Kesatria ini pastinya melahirkan pegawai-pegawai muda Kesatria serta graduan yang mampu menjadi aset yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Majlis Pra Pelancaran LIAC#4 dan DERIA 2022



ALOR GAJAH, 20 Ogos 2022 - Telah berlangsung Majlis Pra Pelancaran LIAC#4 dan DERIA 2022 disempurnakan oleh Rektor, Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini bertempat di Dewan Serbaguna, Taman Sungai Baru, Masjid Tanah. Tahniah kepada Dr. Rosli Zakaria dan semua ahli jawatankuasa LIAC#4

Pasca Pandemik COVID19 atas kejayaan penganjuran majlis pra pelancaran ini. Bengkel Pembuatan Sabun dengan Komuniti juga diadakan sebagai salah satu program di bawah projek LIAC#4. Turut hadir Timbalan Rektor PJI dan Ketua Pusat Pengajian KPSK.

Program Pertukaran Adat antara Persatuan Sidang (Ketua Kampung) Parlimen Hang Tuah Jaya, Melaka dengan DMDI Provinsi Riau



BANDARAYA MELAKA, 20 Ogos 2022 - YBhg. Rektor, Prof Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Mohd Zaini telah menghadiri dan merasmikan Program Pertukaran Adat antara Persatuan Sidang (Ketua Kampung) Parlimen Hang Tuah Jaya, Melaka dengan DMDI Provinsi Riau bertempat di UiTM

Melaka Kampus Bandaraya Melaka. Program ini turut dihadiri oleh YBhg. En Talib Bin Baba Pengerusi Persatuan Sidang (Ketua Kampung Parlimen Hang Tuah Jaya, Melaka), YBhg. Datuk Ir Aziz Bin Manap (Ketua Dunia Melayu Dunia Islam Provinsi Riau), YB Mohd Noor Helmy Bin Abdul Halim (Ahli Dewan

Undangan Negeri, Duyong), YBhg. Tan Sri Prof. Datuk Wira Dr Abdul Latif Bin Abu Bakar, YBhg. Prof. Datuk Wira Dr Haji Mohd Jamil Bin Mokmin (Naib Pengerusi DMDI Melaka) dan YBrs. Dr Mohd Halim Bin Mahphoth (Penolong Rektor UiTM Cawangan Melaka KBM.

Majlis Penyerahan Bendera (Flag-Off) Kontinjen UiTM Cawangan Melaka ke Karnival Sukan Staf (KARiSTA)



ALOR GAJAH, 22 Ogos 2022 - Telah Kontinjen UiTMCM dan Encik Mazlan berlangsung Majlis Penyerahan Bendera Salleh, Pengerusi Persatuan Sukan dan (Flag-Off) Kontinjen UiTM Cawangan Kebajikan Kakitangan (PSKK).Seramai 97 Melaka ke Karnival Sukan Staf (KARiSTA) orang atlet dan 12 Pegawai dari UiTM 2022 bertempat di UiTM Cawangan Cawangan Melaka yang akan menyertai Terengganu yang akan bermula dari 24 hingga 30 Ogos 2022. YBhg. Prof Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini, Rektor UiTM Cawangan Melaka telah menyempurnakan sesi penyerahan bendera kepada Encik Ahmad Khairuman Md Hasim selaku Ketua

KARiSTA kali ini dengan menyasarkan pungutan 3 pingat Emas dalam 10 acara yang dipertandingkan iaitu Bola Sepak Veteran, Bola Tampar wanita, Bola Tampar Lelaki, Bola Sepak Senior, Tenpin Boling, Bola Jaring, Badminton, Petanque, Dart dan Golf

Mesyuarat antara UiTM Cawangan Melaka dan Pengurusan Professional Mutawwif Development International Sdn. Bhd (PMDSB)



KAJANG, 29 Ogos 2022 - Telah berlangsung Mesyuarat antara UiTM Cawangan Melaka dan Pengurusan Professional Mutawwif Development International Sdn. Bhd (PMDSB) di Pejabat PMDSB, Ustaz Mohd Aswad Tajudin, Utama, Kolej Keris Mas, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Perbincangan berkaitan pelaksanaan Diploma Kemahiran Bertauliah PMDIC, Melaka dan barisan pengurusan.



UCAPAN TAHNIAH,
KEJAYAAN & PENCAPAIAN
WARGA UNIVERSITI

**Setinggi-tinggi Tahniah kepada Tuan Yang
Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin
Mohd Rustam, Yang Di-Pertua Negeri Melaka
sempena Sambutan Hari Jadi ke-73 pada
24 Ogos 2022 bersamaan
26 Muharam 1444H**





Cawangan Melaka

Tahniah

**YBhg. Datuk Ts. Dr.
Mohd Nor Hajar Hasrol Jono**
Timbalan Rektor HEP

atas pengurniaan
**Darjah Pangkuan Seri Melaka
(D.P.S.M.)**

sempena
**Sambutan Hari Jadi ke-73
Yang di-Pertua Negeri Melaka**

daripada
**Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka**

#KeluargaUiTM



www.melaka.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka



Cawangan Melaka

Tahniah

Puan Rohayu Ramli
Pegawai Teknologi Maklumat Kanan

atas pengurniaan
**Pingat Jasa Kebaktian
(P.J.K.)**

sempena
**Sambutan Hari Jadi ke-73
Yang di-Pertua Negeri Melaka**

daripada
**Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka**

#KeluargaUiTM



www.melaka.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka





Tahniah

Pasukan Bola Tampar Wanita

penerima pingat

Perak- Naib Johan
Karnival Sukan Staf UiTM (Karista) 2022

daripada

Rektor, Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka

#KeluargaUiTM

[f](#) [i](#) [t](#) [y](#) | www.melaka.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka



Tahniah

Pasukan Dart

penerima pingat

Gangsa
Karnival Sukan Staf UiTM (Karista) 2022

daripada

Rektor, Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka

#KeluargaUiTM

[f](#) [i](#) [t](#) [y](#) | www.melaka.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

Tahniah

Pasukan Petanque

penerima pingat
Gangsa
Karnival Sukan Staf UiTM (Karista) 2022

daripada
Rektor, Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka

#KeluargaUiTM

    www.melaka.uitm.edu.my
UiTM Cawangan Melaka

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



Artikel / Liputan Media

Tingkat kesedaran elak anak ketagih gajet



Oleh Dr Mohamad Haffi Jamri
dan Nurul Hafizah Rosli
bhrencana@bh.com.my

Evolusi teknologi, media dan komunikasi menyajikan manusia kini semakin banyak terdedah kepada penggunaan gajet sebagai alat komunikasi dalam urusan kehidupan seharian, termasuk pekerjaan.

Penggunaan gajet tidak terhad dalam kalangan individu dewasa, bahkan turut digunakan oleh, remaja dan kanak-kanak.

Pada peringkat sekolah rendah, menengah mahu pun universiti, terdapat keperluan pelajar menguasai penggunaan gajet dan aplikasi media dalam usaha menyempurnakan sesuatu tugas atau mengikuti pembelajaran.

Menyerusi pendidikan gajet semakin luas tidak mengira peringkat usia ini, maka bolehlah dikatakan ia kini menjadi salah satu keperluan penting dalam kalangan masyarakat dalam membantu memperlancar urusan.

Sungguhpun terdapat kebaikan gajet membantu manusia bekerja, belajar dan berhibur, terdapat sisi negatif penggunaan gajet ini dipandang remeh sesetengah pihak.

Ketناسuhan penggunaan gajet boleh

memberikan impak negatif begitu besar kepada individu, terutama dari segi kesihatan mata.

Perkara yang lebih membimbangkan adalah penggunaan gajet dalam tempoh masa lama bakal membawa kemudaratan kepada kesihatan mata.

Perkara lebih menggerunkan apabila ibu bapa sendiri beringkap terlampau terbuka dengan memberikan gajet kepada anak sebagai langkah membuat mereka diam, tenang dan tidak mengganggu urusan 'orang tua'.

Gajet digunakan 'diambil' anak

Gajet diberikan kepada anak bagi mengelakkan mereka bersifat 'tantrum' ketika berada di mana-mana. Sikap ini dirujuk sebagai kurang

baik kerana bakal menyebabkan anak terlalu obses kepada gajet apabila tiada kawalan.

Kesannya, mereka selalu menginginkan gajet dan memberontak apabila gagal mendapatkannya. Dari segi pancaindera mata, pendedahan terlalu lama akibat menggunakan gajet seperti leka bermain permainan dalam talian atau aplikasi hiburan oleh anak bakal memudarakan daya penglihatan mereka, terutama rabun pada usia kanak-kanak.

Jika dibiarkan, ia mungkin menjadi penyakit kronik sukar ditangani pada masa akan datang secara efektif. Dari sudut ibu bapa dan pendidik, pendekatan mendidik perlu dilaksanakan supaya berpada-pada menggunakan gajet dan mengikut masa tertentu.

Kanak-kanak perlu disedarkan kebaikan dan keburukan penggunaan gajet supaya mereka lebih terbuka dari segi pemikiran mengenai bahaya ketagihan gajet.

Kerajaan sebaiknya menjalankan kempen kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan mata kepada masyarakat. Melalui kempen ini, kerajaan melalui Majlis Optik Malaysia KOM serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia boleh menggerakkan usaha promosi ini.

Melalui inisiatif ini, kebarangkalian tingginya kesedaran dalam kalangan masyarakat berkenaan peri pentingnya menjaga kesihatan mata dapat dipertingkatkan, sekali gus membentuk budaya menjaga mata secara sihat dan tepat dalam kalangan masyarakat.

“Kanak-kanak perlu disedarkan kebaikan dan keburukan penggunaan gajet supaya mereka lebih terbuka dari segi pemikiran mengenai bahaya ketagihan gajet”

Artikel Akhbar - Berita Harian
05 Ogos 2022

Dr. Mohamad Haffi Jamri
Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi Pengajian Media
UiTM Cawangan Melaka

Perhebat kempen di media didik rakyat bahaya scam



Oleh Dr Mohamad Haffi Jamri
dan Dr Mohd Sufiean Hassan
bhrencana@bh.com.my

Penipuan dalam talian tidak mengenal mangsa sama ada golongan berusia yang dianggap sebagai sasaran utama hingga remaja dan kanak-kanak yang kini terdedah dengan teknologi maklumat.

Bagi remaja dan anak meningkat usia, mereka menjadi sasaran melalui tawaran lumayan seperti dijanjikan wang ribuan ringgit supaya mengikuti arahan diberikan dalam talian, sekali gus menjadikan golongan itu berpotensi untuk terjebak dalam perangkap siber.

Lebih membimbangkan, wujud unsur eksploitasi seksual dalam penipuan dalam talian seperti golongan remaja diminta melakukan sesuatu perbuatan tidak senonoh melalui aplikasi hingga dirakam dan kemudian digunakan sindiket berkenaan untuk memeras wang keluarga berkenaan sekiranya tidak mahu aib itu disebar.

Pada masa sama, 'love scam' terus berleluasa yang bermula dengan individu ingin mencari pasangan hidup dengan menggunakan aplikasi media sosial sebagai platform mencari jodoh. Malangnya, individu tidak bertang-

gungjawab mengambil kesempatan memeras wang 'pencari jodoh' hingga membebankan kerugian puluhan ribu ringgit disebabkan janji manis.

Realitinya, semua pihak perlu mengambil peranan penting untuk membendung jenayah penipuan dan tidak boleh mengharapkan pihak berkuasa semata-mata untuk membanterasnya.

Langkah penting perlu diambil semua adalah tidak sewenang-wenangnya berkongsi maklumat peribadi dengan orang tidak dikenali. Sekiranya sesuatu perbuatan berlangsung dengan individu tidak dikenali yang meminta maklumat seperti nombor akaun bank, kad kredit atau debit, sebaiknya panggilan berkenaan segera ditamatkan.

Risiko muat turun aplikasi dalam talian

Sebenarnya, lambakan aplikasi media yang boleh dimuat turun di telefon pintar boleh mengundang ancaman sekiranya pengguna tidak berwaspada ketika memuat turunnya tanpa memastikan ciri yang wujud dalam aplikasi berkenaan yang membolehkan pihak tidak bertanggungjawab mencuri data secara tidak sedar.

Aplikasi membatalkan transaksi kewangan adalah paling berbahaya dan perlu disemak secara teliti sama ada ia benar-benar dari agensi rasmi ataupun bukan.

Pengguna yang selalu menjalankan transaksi dalam talian dinasihatkan untuk kerap memeriksa

sejarah transaksi pembayaran dijalankan bagi mengelakkan wujud transaksi pelik dan melaporkan segera untuk menyekat transaksi berkenaan. Semakan melalui panggilan kepada pegawai khidmat pelanggan bank juga boleh dijalankan untuk mengesahkan sebarang isu dihadapi bagi memperoleh penjelasan.

Dalam konteks pembelian dalam talian, pengguna perlu membuat penyelidikan lanjut dengan meneliti terlebih dahulu maklumat penjual, maklum balas pembeli serta rating diberi pembeli lain. Menyerusi penelitian komprehensif terhadap kelompok penjual dan organisasi yang menjalankan perniagaan dalam talian ini, risiko penipuan dapat dielakkan.

Apa yang penting, ibu bapa, anak dan ahli keluarga perlu saling mengingatkan supaya terhindar daripada jenayah yang boleh memengap diri. Oleh itu, kerajaan disarankan melaksanakan kempen kesedaran mengenai bahaya scam yang lebih meluas dengan menggunakan pelbagai medium, termasuk media konvensional seperti akhbar dan televisyen, media sosial serta aktiviti bersemuka dengan masyarakat.

Menyerusi penggunaan pelbagai platform media dan komunikasi, ia dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat terhadap kepentingan berhati-hati dengan bentuk penipuan dalam talian ini, sekali gus menyekat taktik sindiket itu pada peringkat pengguna lagi.

Artikel Akhbar - Berita Harian
17 Ogos 2022

**Dr. Mohamad Haffi Jamri dan
Dr. Mohd Sufiean Hassan**
Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi Pengajian Media
UiTM Cawangan Melaka

"Etiqa Takaful sumbang zakat RM 150,000 kepada UiTM Melaka"



Siaran Media - Utusan Malaysia
18 Ogos 2022

Hayati prinsip Rukun Negara demi keharmonian



Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi
& Pengajian Media,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Cawangan Melaka

Oleh Shafezah Abdul Wahab
bhirecana@bh.com.my

Dari sudut sejarah, Rukun Negara diwujudkan selepas terjadinya Tragedi 13 Mei 1969. Rukun Negara dicipta sebagai pedoman kepada rakyat berbilang kaum, adat dan kepercayaan agama untuk hidup ber satu padu, bersopan, toleransi dan saling hormat menghormati.

Prinsip dan teras Rukun Negara bersifat sejagat, merentasi nilai murni semua bangsa dan agama, menjadi pegangan hidup rakyat dalam keadaan aman selepas merdeka.

Bagi menghayatinya, semua pihak terutama pemimpin serta wakil rakyat perlu mengambil sikap serius mempromosi aspirasi dan prinsip Rukun Negara.

Terkandung dalam setiap lima prinsip, Rukun Negara adalah formula bagaimana rakyat berbilang bangsa, agama, budaya, bahasa, boleh mengatapi segala perbezaan dan kepelbagaian, seterusnya hidup secara rukun serta damai.

Namun, Rukun Negara bukan sekadar perlu dihafal semata-mata, bahkan perlu 'diperah keluar nilai' ada di dalamnya dan diernakkan dalam kehidupan seharian.

Agama melalui prinsip Kepercayaan Kepada Tuhan menjadi asas utama dalam kehidupan rakyat. Inilah paksi utama seharusnya menjadi

teras dalam kehidupan rakyat hampir semuanya memiliki agama.

Kepercayaan agama mampu memberi panduan bagaimana untuk menjadi seorang warganegara yang baik. Tidak kira apa agama dia nuti di negara ini, yang pasti ajaran terdapat dalam agama menjurus kepada kebaikan dan menjauhi keburukan.

Dalam prinsip kedua, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, dan ketiga, Keluhuran Perlembagaan, kelihatan seolah-olah prinsip ini sering kali dicabar.

Kekalkan keharmonian bersama

Sebagai contoh, Perkara 153 Perlembagaan ialah peruntukan mengenai jaminan kedudukan istimewa orang Melayu dan anak-anak negeri, iaitu pribumi Sabah dan Sarawak, juga kepentingan sah kaum lain berwarganegara.

Begitu juga Perkara 152 Perlembagaan menetapkan bahasa rasmi digunakan dalam urusan kerajaan ialah bahasa Melayu. Namun, terdapat golongan mencabar perkara ini dengan menggunakan bahasa ibunda mereka.

Kedua-dua prinsip ini masih belum berjaya diterjemahkan dengan baik. Justeru, menjadi harapan besar kepada semua kaum, andainya keamanan, kesejahteraan dan kedamaian negara menjadi perkara utama diinginkan, mereka tiada pilihan melainkan mengamalukannya dengan penuh kejujuran.

Andainya kemahuan dan kepentingan sendiri atau golongan tertentu menjadi keutamaan, di si-

nilah punca kepada masalah dalam perpaduan kaum di Malaysia.

Prinsip keempat iaitu Kedaulatan Undang-Undang, dapat dilihat ia semakin berani dicabar apabila undang-undang dan keadilan tidak menjadi paksi utama. Akibatnya, mewujudkan kacau-bilau sekali gus merobek keharmonian masyarakat.

Menerusi prinsip ini, kerajaan dan rakyat terikat dengan undang-undang dan wajib mematuhi. Inilah prinsip utama dalam konsep kedaulatan undang-undang.

Kedudukan semua warganegara diakui sama di sisi undang-undang, sama ada individu biasa hingga pimpinan tertinggi. Apabila undang-undang ditamatkan, tiada lagi ruang yang wujud untuk tindakan sewenang-nya.

Bagi prinsip kelima, Kesopanan dan Kesusilaan, ia dilihat masih lagi belum menjadi amalan rakyat. Aspek kesopanan dan kesusilaan perlu dizahirkan dalam seluruh aspek kehidupan sosial mereka andainya kesejahteraan, keamanan dan kedamaian menjadi idaman rakyat Malaysia.

Kelima-lima prinsip dalam Rukun Negara ini perlu dipastikan berdiri dengan tegak dan kukuh. Andainya rukun lain berjaya diamalkan, namun satu rukun-rukun yang cuba dicabar, di sinilah bermula konflik yang sebenar.

Justeru, rakyat tiada pilihan, melainkan menghayati dan menterjemahkannya dalam bentuk tindakan secara menyeluruh dengan penuh keikhlasan dan hati yang terbuka dalam kehidupan.

Artikel Akhbar - Utusan Malaysia
29 Ogos 2022

Shafezah Abdul Wahab
Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi Pengajian Media
UiTM Cawangan Melaka

Pensyarah belanja RM2,500 beli buku

Datang dari
Melaka ke Jualan
Gudang Karangkraf
di Shah Alam

Oleh **MOHAMAD AMREEL
IMAN ABD MALEK
SHAH ALAM**

Jualan Gudang Karangkraf yang memasuki hari ketiga terus menerima kunjungan orang ramai dari pelbagai latar belakang untuk berbelanja dengan membeli bahan bacaan seperti novel, al-Quran dan buku-buku sekolah. Seorang pengunjung yang juga Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Melaka, Nur Syuhada Muhammad berkata, dia telah membelanjakan sebanyak RM2,500 bagi membeli sejumlah buku yang terdapat di jualan gudang itu.

Menurutnya, antara buku yang menjadi pilihan adalah *Nota My Quran Time*, karya agama seperti *Syurga Bukan Percuma*, *Apa Khabar Hati*, *Dunia Bukan Syurga*, *Nota Aja! Seorang Mukmin* dan banyak lagi.

"Buku-buku ini untuk kegunaan peribadi bagi menambah ilmu pengetahuan selain dapat melengkapkan perpustakaan mini saya di rumah."

"Saya juga berhasrat memberi beberapa buku kepada ahli keluarga atau sebagai pinjaman untuk pelajar-pelajar di universiti bagi menggalakkan mereka lebih banyak membaca," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Kata Nur Syuhada, hebahkan iklan promosi melalui laman sosial telah menarik perhatiannya untuk berkunjung ke Kompleks Karangkraf dan bertolak seawal jam 7 pagi dari Melaka.

"Saya memang minat membaca, maka saya tidak akan melepaskan peluang berkunjung ke mana-mana lokasi pesta buku



Nur Syuhada menunjukkan resit pembelian buku.

seluruh negara. Malah saya pernah berbelanja hampir RM5,000 di Pesta Buku Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Saya juga mahu mendidik anak-anak supaya mengutamakan amalan membaca berbanding



Pengunjung mengambil peluang cuti hujung minggu ke Jualan Gudang Karangkraf pada Ahad.

menghabiskan masa dengan gadget terutama telefon pintar.

"Secara tidak langsung, amalan membaca dapat menambah nilai kekeluargaan apabila kami kebiasaan akan duduk bersama-sama untuk berkongsi pendapat

mengenai buku yang telah dibaca," jelasnya.

Beliau memberitahu, jualan gudang itu mempunyai pelbagai genre buku dengan tawaran harga diskaun yang sangat berpatutan.

Siaran Media - Berita Harian
29 Ogos 2022

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

Diterbitkan oleh:



الجامعة الوطنية للتكنولوجيا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

eISSN 2785-8049



9 7 7 2 7 8 5 8 0 4 0 5